



PERMOHONAN PENGURANGAN KADAR BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN MARA

Peminjam boleh memohon pengurangan kadar bayaran balik pinjaman MARA melalui sistem eBaki; <https://apps.mara.gov.my/ebakiv2> - Permohonan Conversion Online.

1. Kelayakan Memohon:

a. Pelajar tamat/lulus pengajian;

i. di bawah Skim Pinjaman Pelajaran MARA.

ii. mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Surat Tawaran / Perjanjian.

b. Tidak bertukar kursus/program atau tempat pengajian kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA.

c. Tertakluk kepada peminjam yang belum atau tidak pernah menerima sebarang bantuan/pinjaman kewangan dari pihak penganjur yang lain

d. Tiada tunggakan bayaran Pinjaman Pelajaran MARA.

2. Dokumen yang diperlukan untuk permohonan:

a. Salinan Sijil/Diploma/Ijazah/Master/Phd (disahkan benar).

b. Salinan transkrip rasmi penuh (disahkan benar).

c. Salinan Sijil/Diploma/Ijazah/Master/Phd disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Kumpulan A dan Penghulu/Sidang/Jaksa Pendamai(JP)/Wakil Rakyat/Pegawai Dalam Perkhidmatan Perundangan & Kehakiman seperti Majistret/Peguam.

d. Setiap pengesahan hendaklah dicop Nama, Jawatan dan Jabatan oleh pihak yang mengesahkan.

3. Sebarang pembayaran yang telah dibuat sebelum pengurangan kadar bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA diluluskan, tidak akan dikembalikan. Pembayaran tersebut akan ditolak dari jumlah pinjaman keseluruhan.

4. Permohonan yang tidak lengkap dan mempunyai akaun yang bertunggakan tidak akan diproses.

5. Tuan/puan dikehendaki membayar balik keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan oleh pihak MARA sekiranya gagal membuat permohonan pengurangan seperti ditetapkan di dalam tempoh masa di dalam Surat Tawaran/Perjanjian,.

6. Kelulusan rasmi permohonan pengurangan kadar bayaran balik pinjaman MARA boleh disemak melalui sistem e-baki di url <https://apps.mara.gov.my/ebakiv2>

8. Disebabkan bilangan permohonan yang banyak, proses kelulusan pengurangan bayaran balik pinjaman mengambil masa sekurang-kurangnya **3 hingga 6 bulan** dari tempoh permohonan diterima/didaftarkan termasuk pelarasan oleh Bahagian Kewangan MARA. Untuk keterangan lanjut tuan/puan boleh menghubungi Bahagian Kawalan Kredit MARA seperti berikut :-

a. Emel : infobkk@mara.gov.my

b. Nombor talian : 03- 40108800 / 8801 / 8802

Waktu operasi : Hari : Isnin – Jumaat. Waktu : 08.30 pagi – 05.00 petang.

(Waktu Rehat : Isnin-Khamis : 1.00 - 2.00 petang / Jumaat : 12.15 – 2.45 petang)